

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

25
OCT

PELIHARA NILAI-NILAI MURNI UNTUK PEMBANGUNAN MASA HADAPAN



USM, PULAU PINANG, 24 Oktober 2016 - Graduan diminta untuk sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai murni masyarakat untuk memastikan kesejahteraan negara pada masa hadapan.

Pro Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Tan Sri Razali Ismail berkata, yang utama ialah para graduan yang terdiri daripada anak-anak muda yang berilmu pengetahuan perlu sentiasa berpegang kepada nilai-nilai murni masyarakat yang diwarisi sejak lama dahulu terutamanya saling hormat menghormati di antara satu sama lain.



"Ini termasuklah menghormati pegangan hidup, kepercayaan dan cara hidup yang berbeza-beza serta pandangan yang pelbagai, menghormati institusi yang ada termasuk institusi kekeluargaan serta menghormati kepelbagaian budaya hidup di negara ini mahu pun di mana sahaja negara kita berada," kata Razali yang juga Pengurus Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM) itu.

Beliau menyeru dan meminta agar para siswazah sentiasa memelihara nilai-nilai hidup murni ini terutamanya dengan menghormati hak orang lain seperti mana seseorang itu mengharapkan orang lain menghormati haknya apatah lagi inilah juga antara peranan utama para siswazah untuk menjadi contoh tauladan yang boleh diikuti dalam menjalankan tugas profesional mahu pun kehidupan peribadi dengan integriti yang tinggi.





Terdahulu Razali menyampaikan ijazah kepada 872 orang graduan dalam Sidang Kedua Upacara Konvokesyen Ke-54 USM.

Teks: Mohamad Abdullah / Foto: Mohd Fairus Md Isa



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015